

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Versi Bahasa Inggeris)

Helaian Pendedahan Produk ini mengandungi maklumat umum tentang produk, yang tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank.

Perniagaan dan Perbankan Korporat-i (BCB-i)
Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam Negara-i (OFCF-i)
Tarikh: / /
1. Apakah itu Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam Negara-i (OFCF-i)?

Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam Negara-i (OFCF-i) adalah kemudahan perdagangan Islamik dalam mata wang asing yang mematuhi prinsip Syariah untuk pembiayaan perdagangan domestik dan/atau antarabangsa yang melibatkan barangan dan perkhidmatan seperti import, eksport, pembelian tempatan (untuk tujuan eksport/pembelian tempatan sahaja) dan penjualan tempatan (untuk penjualan tempatan semata/ di mana pelanggan telah mengimport atau mempunyai obligasi dalam mata wang asing) dan perbelanjaan operasi domestik ataupun asing dan hutang daripada pembelian perkhidmatan yang menambah kos urus niaga perdagangan. OFCF-i hanya boleh digunakan untuk membiayai barangan/pembayaran perkhidmatan/barang-barang lain yang patuh Syariah dan tidak boleh diberikan kepada pelanggan yang terlibat dengan perniagaan/pekhidmatan/aktiviti yang tidak patuh Syariah. OFCF-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq, yang merujuk kepada dua (2) kontrak iaitu jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh Bank kepada Pelanggan dengan pembayaran tertangguh. Seterusnya diikuti pula dengan penjualan aset yang sama oleh Pelanggan kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

Nota: Untuk pembiayaan pembelian tempatan semata, jualan tempatan semata dan pembiayaan perkhidmatan dan/atau perbelanjaan operasi tempatan, OFCF-i mesti dilengkapi dengan kemudahan Tukaran Asing Islamik ("FEC-i").

Kelebihan – Apakah yang anda perolehi daripada produk ini?

- Peluang pembiayaan alternatif dalam mata wang asing pada kadar keuntungan yang kompetitif.
- Meningkatkan aliran tunai yang boleh membantu dalam pengurusan tunai dan pengembangan perniagaan yang lebih baik.
- Pengeksport mempunyai kelebihan lindung nilai semulajadi daripada risiko pertukaran kadar matawang.
- Tempoh minimum pembiayaan ialah lima (5) hari dan tempoh maksimumnya tidak boleh melebihi tempoh pembiayaan yang diluluskan oleh pihak Bank.
- Bagi pembiayaan untuk pembelian import/ tempatan secara "usance" (bayaran pada tarikh akan datang), agregat tempoh pembiayaan maksimum termasuk tempoh kredit tidak boleh melebihi tempoh "usance" yang dibenarkan.
- Bagi pembiayaan jualan eksport/ tempatan, agregat tempoh maksimum pembiayaan adalah berdasarkan tempoh kredit dalam invoice atau tempoh pembiayaan yang diluluskan oleh Bank, tertakluk kepada tempoh mana yang lebih pendek.
- Skop pembiayaan termasuk perbelanjaan operasi dan pembayaran perkhidmatan.
- Pembiayaan OFCF-i adalah berdasarkan pengemukaan dokumen dengan amaun pembiayaan minimum OFCF-i ditetapkan pada USD5,000.00 atau nilai lain yang setara dengannya.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda
Harga

- (1) Kadar Untung (Kadar Semua Sekali (AIR)) = Kos Dana Islam Mata Wang Asing (FCY ICOF) + Tebaran Pembiayaan [_% setahun]

Nota: Kadar Keuntungan akan ditetapkan bagi setiap pengeluaran untuk tempoh pembiayaan yang dipersetujui dan mesti dibayar secara penuh pada tarikh matang.

- (2) Tebaran Pembiayaan: Kadar seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

Harga hendaklah dikira dari tarikh pembiayaan sehingga pembayaran diterima pada tarikh matang

$$\text{Harga} = \frac{\text{Prinsipal} \times (\text{FCY ICOF} + \text{tebaran pembiayaan}) \times \text{tempoh pembiayaan}}{360 \div 365}$$

*Asas tahunan tertakluk kepada jenis mata wang, contohnya 360 hari untuk USD

- (3) Harga Jualan yang merangkumi jumlah keuntungan akan ditetapkan pada setiap pengeluaran dan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan semasa seperti ilustrasi berikut dan mesti dibayar sepenuhnya pada tarikh matang untuk setiap pembiayaan. Walau bagaimanapun, caj-kej lain yang berkenaan perlu dibayar terlebih dahulu oleh Pelanggan (contoh Caj kiriman wang, yuran perdagangan, pos dll.).

Ilustrasi:

Kaedah Pengiraan Keuntungan		Kaedah Diskaun (Discounting Method)	Kaedah Tambah Kos (Cost-Plus Method)
Had Pembiayaan	:	USD1,000,000.00	USD1,000,000.00
Amaun Invois	:	USD100,000.00	USD100,000.00
Kadar Keuntungan	:	6.05%	6.05%
Tempoh Pembiayaan	:	60 hari	60 hari
Amaun Keuntungan*	:	USD1,008.33	USD1,008.33
Jumlah Pembiayaan	:	USD98,991.67	USD100,000.00
Harga Jualan	:	USD100,000.00	USD101,008.33

Angka adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:

Membaca dan memahami harga serta terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian kemudahan dan/atau borang permohonan sebelum mengambil dan/atau menggunakan kemudahan tersebut.

Memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun anda untuk semua caj, keuntungan, caj pampasan, komisen penerimaan, kos atau perbelanjaan berkenaan dengan pengeluaran, pembayaran OFCF-i.

Elakkan membiayai transaksi perdagangan yang sama menggunakan kemudahan lain dengan Bank kami atau bank lain.

Memastikan semua dokumen yang dikemukakan kepada Bank berkaitan dengan pembiayaan adalah tulen dan berkaitan dengan transaksi perdagangan sebenar.

Kemukakan dokumen perdagangan tulen dan semasa (cth. invoice asal, dokumen pengangkutan, dll.) untuk menyokong pembiayaan. Sahkan bahawa barangan dan pihak bersekutu / rakan niaga yang berkaitan dengan transaksi perdagangan tidak

Anda juga perlu membayar yuran dan caj lain-lain, jika berkenaan, mengikut senarai penuh yuran dan caj kami yang diterbitkan di: <https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html>



dibenarkan/dilarang/terhad dan selaras dengan sifat perniagaan syarikat anda.



Maklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya.

3. Ketahui Risiko Anda

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

- Jika anda gagal membayar Bank pada tarikh matang, Bank boleh menukar jumlah tertunggak kepada Ringgit Malaysia (RM) pada kadar pertukaran semasa Bank pada tarikh penukaran.
 - Caj Pampasan
 - Jika anda ingkar pembayaran anda selepas tamat Tempoh Kemudahan, anda perlu membayar caj pampasan = Kadar harian semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") BNM atas baki tertunggak (Prinsipal Tertunggak ditambah keuntungan terakru).
 - Jika anda ingkar pembayaran anda, menyebabkan Kemudahan ditamatkan dan dibawa ke mahkamah, caj pampasan adalah = Sehingga 1% p.a atas baki tertunggak (Prinsipal tertunggak ditambah dengan keuntungan terakru).
 - Untuk pembayaran ingkar selepas penghakiman mahkamah, caj pampasan = Kadar IIMM semalaman harian BNM dikenakan keatas jumlah dasar penghakiman.
- (Nota: Caj pampasan dikira setiap hari & tidak boleh ditambah kepada Prinsipal tertunggak & tidak boleh lebih daripada Prinsipal tertunggak. Kaedah dan kadar pengiraan tertakluk kepada perubahan seperti yang ditetapkan oleh BNM.)
- Bank mungkin akan menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak selepas notis pemberitahuan bertulis selama tujuh (7) hari diberikan kepada anda.
 - Kemudahan OFCF-i anda dan semua kemudahan perdagangan yang lain akan digantung serta-merta sebaik sahaja bil telah tamat tempoh.
 - Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang:
 - Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal membalas notis peringatan. Aset anda mungkin dirampas, dan anda perlu menanggung semua kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas aset anda dijual.
 - Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk melibatkan agensi kutipan hutang pihak ketiga), perampasan, dan prosiding kebangkrutan.)
 - Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

Apakah risiko utama?

Anda mungkin terdedah kepada risiko turun naik pertukaran asing apabila penyelesaian OFCF-i dibuat dalam MYR.

4. Syarat Utama Lain

Bagaimana jika saya menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tempoh matang?

- Bank akan memberi rebat (Ibra') pada penyelesaian awal (separa/ penuh). Formula rebat (Ibra') adalah seperti berikut:
Rebat (Ibra') hasil langsaian pembiayaan awal = Baki keuntungan yang belum diterima

Tiada caj pelepasan (unwinding fee) dan caj penyelesaian awal akan dikenakan.

- Tiada rebat (Ibra') jika penyelesaian OFCF-i dibuat pada atau selepas tarikh matang.

Nota:

- Baki keuntungan yang belum diterima = Jumlah Untung – Keuntungan Terakru
 - Jumlah Untung = Harga Jualan – Jumlah Pembiayaan
- Perlindungan takaful yang berikut dicadangkan untuk diambil daripada panel Bank:
 - Perlindungan takaful yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal atas Pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan).
 - Takaful ke atas barangan (jika berkenaan).

Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

 Hubungi kami di: 03-7626 8899 / 03-7661 7777	 Lawati kami di: www.hlisb.com.my/bcbi	 E-mel kami di: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tel: 03 - 2616 7766 https://www.akpk.org.my/smehelpdesk
Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi: HLISB Advokasi Pelanggan Tel: 03-7626 8821 / 03-76268802 / 03-76268812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my		HLISB Tel: 1-300-88-5465 Luar Negara: 603-2174 1717 Laman Web: bnm.gov.my/BNMLINK	